

Untuk Siaran Segera

Pengalaman realiti penuh nyata dengan Televisyen Plasma VIERA HD Penuh 3D Panasonic

Edisi terkini 2010 3D Panasonic menawarkan ciri-ciri peningkatan – HD Penuh 3D, Panel Hitam lebih nyata dan VIERA CAST dengan Skype

Kuala Lumpur, 2 September 2010 – Panasonic melangkah ke arena 3D dengan pelancaran Televisyen Plasma VIERA siri HD Penuh 3D, yang telah menetapkan tanda aras dalam kualiti 3D sinematik pada televisyen skrin nipis. Dua model baru iaitu TH-P50VT20K (50 inci) dan TH-P65VT20K (65 inci), pasti akan memberi kesan Kejelasan dan Realisme 3D dalam ruang tamu pengguna.

Model-model dengan HD Penuh 3D ini telah menetapkan standard baru dalam kualiti gambar, usaha komitmen Panasonic dalam pembangunan teknologi 3D. Antara inovasi yang direka adalah Teknologi *Frame Sequential*, Teknologi Pengurangan *Crosstalk* dan Teknologi *3D Drive* dengan Kelajuan Tinggi.

Teknologi *Frame Sequential* membolehkan imej saling berganti untuk mata sebelah kiri dan mata sebelah kanan pada 60 bingkai sesaat (fps), menjadikan 120 bingkai sesaat (fps) untuk kedua-dua belah mata. Penonton melihat gambar menggunakan kaca mata 3D yang teliti, yang akan membuka dan menutup *shutters* secara serentak semasa paparan imej saling berganti. Ini membolehkan imej 3D dipapar pada resolusi tinggi HD.

Panel Hitam yang lebih nyata pada televisyen VIERA HD Penuh 3D meningkatkan paparan hitam, menghasilkan rona warna hitam yang konsisten pada skrin. Ubah suai pada panel baru ini ke kawasan sel nyahcas meningkatkan tahap kontras dan gradasi hitam apabila menonton sambil mengurangkan kesan warna kelabu (*greying effects*). Walaupun kualiti gambar meningkat secara mendadak, penggunaan tenaga dikurangkan sebanyak 40% berbanding model-model sebelum ini.

Bagi menyelesaikan masalah biasa seperti *afterimages* dalam televisyen 3D, VIERA HD Penuh 3D menggunakan *fast-decay phosphors* yang baru dibina yang dapat mengurangkan piksel cahaya *afterglow* dengan lebih dari 30 peratus. Ini menghasilkan imej 3D yang terang dan jelas tanpa kesan *afterimage*, dengan penggunaan Teknologi Pengurangan *Crosstalk*.

Selepas pelancaran produk ini di Eropah dan Amerika Syarikat, televisyen Plasma VIERA HD Penuh 3D telah menerima beberapa anugerah dari para pengulas dan ketua pendapat. Antaranya adalah anugerah Televisyen Terbaik dalam *CNET's Best of CES 2010* dan anugerah Produk Terbaik 2010-2011 dalam kategori televisyen Plasma-3D dari *European Imaging and Sound Association*.

Menurut Jeff Lee, Pengarah Urusan Panasonic Malaysia, "Ini adalah langkah pertama Panasonic Malaysia ke arah 3D, member penyelesaian yang akan menetapkan standard untuk 3D pada penggunaan hiburan rumah. Pembangunan 3D Panasonic bermula beberapa tahun yang lalu dan kini dengan bangganya kami melancarkan Penyelesaian 3D Total Panasonic yang terbaik untuk hiburan rumah yang boleh didapati dalam kedua-dua model televisyen 3D ini."

"Pembangunan teknologi 3D Panasonic berdasarkan dengan tiga prinsip asas – menyediakan penyelesaian kepada segala aspek hiburan, komitmen berurusan untuk kualiti gambar yang tiada bandingan, dan pembangunan perisian untuk membantu pembikinan filem 3D dan televisyen dengan penyiaran 3D – sesuatu yang ingin kami lihat dalam masa akan datang," tambahnya

3D telah menjadi aspek utama Panasonic dengan sumbangan dari makmal penyelidikan video di Hollywood, Makmal Hollywood Panasonic [*Panasonic Hollywood Laboratory (PHL)*]. Makmal Hollywood Panasonic (PHL) yang mempunyai pengalaman selama 15 tahun telah banyak menepati permintaan dari para professional filem Hollywood dengan menjalankan penyelidikan teknologi pada format mampatan imej, penyeragaman Blu-ray, pengurangan cakera dan hasil pengeluaran kerja.

“Dengan bantuan Makmal Hollywood Panasonic, Panasonic telah bekerjasama dengan beberapa pengeluar filem dengan teknologi 3D untuk rakaman dan kerja selepas produksi (*post-production*); salah satu darinya adalah *box office hit* - *Avatar* hasil kerja pengeluar filem tersohor James Cameron. Kami yakin sebahagian dari teknologi ini dapat dibawa untuk kegunaan anda dalam format Televisyen Plasma VIERA HD Penuh 3D,” kata Lee

Menurut kata Liew Choon Wah, Pengurus Besar Bahagian Audio Visual Digital, Panasonic Malaysia, “Pengenalan kepada Televisyen Plasma VIERA HD Penuh 3D serasi dengan usaha kami dalam menyediakan teknologi sinematik 3D terbaik ke set teater rumah pengguna. 3D terbukti sebagai *hit* dalam *box office* dan kami yakin ia akan mendapat tempat dalam arena elektronik pengguna.”

“Set Televisyen Plasma VIERA HD Penuh 3D mempunyai fungsi yang canggih dalam industri ini, salah satu dari fungsinya adalah nisbah kontras *native* 5,000,000:1, Panel Hitam lebih Nyata, Teknologi 3D Drive dengan kelajuan tinggi, dan Teknologi Pengurangan *Crosstalk*. Pengabungan kesemua fungsi yang ada menjanjikan kualiti gambar yang tiada bandingan dalam kedua-dua format 2D dan 3D untuk televisyen,” kata Liew

“Objektif kami adalah untuk menetapkan standard yang tinggi dengan penyelesaian teknologi 3D kami, selain menjadi peneraju dalam industri ini.” tambahnya lagi

Model TH-P50VT20K 50 inci berharga RM14,999 dan model TH-P65VT20K 65 inci berharga RM23,999. Dengan setiap pembelian model-model ini, sepasang Kaca Mata 3D Panasonic akan disediakan. Panasonic juga mempunyai promosi pakej untuk setiap pembelian televisyen Plasma VIERA HD Penuh 3D di semua Panashop dan pengedar yang disahkan untuk jangka masa terhad. Pakej ini termasuk tambahan sepasang kaca mata 3D Panasonic bernilai RM699, Pemain Blu-ray 3D Panasonic bernilai RM 2,499, Kabel HDMI Kelajuan Tinggi Cable bernilai RM199, dua filem HD Penuh 3D yang boleh dimainkan pada Blu-ray dan perisian Blu-ray 3D secara percuma dari Panasonic.

Pengguna juga mempunyai pilihan untuk menambah RM199 untuk sebuah Kamera Skype Panasonic (yang bernilai RM699), atau RM 1,999 untuk sebuah Kamkoder 3D Panasonic (yang bernilai RM5,499).

Televisyen Plasma VIERA HD Penuh 3D Panasonic boleh didapati dari semua pengedar sah Panasonic dan Panashop seluruh Negara.

Mengenai Panasonic Malaysia Sdn Bhd

Panasonic Malaysia Sdn Bhd ialah syarikat jualan, perkhidmatan dan pemasaran untuk jenama Panasonic bagi rangkaian produk elektrik dan elektronik daripada audio visual, kelengkapan rumah, penghawa dingin, kamera digital dan video, kelengkapan penyiaran System professional, System perniagaan, telekomunikasi, penjagaan kesihatan dan kecantikan sehingga ke batteri dan lampu. Semua produk Panasonic boleh di dapati menerusi pengedar sah kami seluruh negara. Untuk maklumat lanjut berhubung jenama dan produk Panasonic, layari laman web www.panasonic.com.my atau hubungi Pusat Penjagaan Pelanggan di 03-5543 7600.

Untuk siaran akhbar dan gambar, sila muat turun daripada www.pmpressroom.com

Perhubungan Media: Azizah Wahid
Pengurus Besar, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7876 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 019 217 2730
Emel: azizah.wahid@my.panasonic.com

Ashleigh Hong
Eksekutif, Komunikasi Korporat Penjenamaan
Tel: 03 7809 7874 Fax: 03 7955 1857 Mobil: 012 526 0265
Emel: ashleigh.hong@my.panasonic.com

Perhubungan Produk: Stacy Kew
Eksekutif Pemasaran, Bahagian Audio Visual Digital
Tel: 03 7809 7687 Fax: 03 7955 2848 Mobil: 012 289 8933
Emel: stacy.kew@my.panasonic.com

###